



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

AZURA ARZEMI

Ketua Penolong Pengarah, BPHPP

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) (PENGELUARAN TEMPATAN)

Konsep dan Definisi IHPR

IHPR bagi pengeluaran tempatan merupakan indeks berasaskan output, yang mengukur perubahan harga komoditi untuk jualan pasaran tempatan. Harga yang dinilai adalah berdasarkan **harga di kilang (ex-factory)**, **harga di ladang (ex-farm)** dan **harga semasa pendaratan (sektor perikanan)**.

Harga yang diterima oleh pengeluar pada peringkat pertama pengkomersialan. Ia merujuk kepada harga selepas ditolak diskaun dan rebet yang diberikan oleh pengilang. Ia juga tidak termasuk cukai jualan dan duti eksais.

IHPR mengikut Peringkat Pemrosesan di mana komoditi yang diperolehi daripada Survei Harga Pengeluar akan disusun semula dan dikelaskan mengikut peringkat pemrosesan


- ❖ Bahan mentah untuk diproses selanjutnya (cth: *crude petroleum*)
- ❖ Bahan perantaraan, bekalan dan komponen (cth: *refined petroleum*)
- ❖ Barang siap (cth: *oil, petrol*)

Rantai Pengeedaran



Manual dan Klasifikasi IHPR

IHPR disusun mengikut manual yang diterbitkan oleh IMF manakala klasifikasi industri adalah berasaskan kepada MASCO 2008 dan klasifikasi seksyen barangan berasaskan SITC rev.4



Data IHPR

Data bagi pengiraan IHPR diperolehi melalui **Survei Harga Pengeluar** yang dijalankan pada setiap bulan meliputi 5 sektor ekonomi dan 1,063 item komoditi

281 Industri

Pemilihan bakul Peringkat 5-Digit MSIC-Peringkat Industri & 10 Digit MCPA-Peringkat Produk

1,063 Produk

Pemilihan produk bagi Survei Harga bulanan adalah berdasarkan sumbangan item kepada jumlah output industri tersebut



1,569 Pertubuhan

Pemilihan pertubuhan adalah berdasarkan sumbangan pertubuhan tersebut kepada jumlah output bagi industri yang terpilih

5 Sektor IHPR

Sektor	Wajaran
Pertanian, perhutanan & perikanan	2010 8.15 2015 6.73
Perlombongan	2010 9.67 2015 7.93
Pembuatan	2010 78.79 2015 81.57
Bekalan elektrik & gas	2010 3.05 2015 3.44
Bekalan air	2010 0.34 2015 0.33



Kepentingan IHPR

Carta 1 memaparkan Indeks Harga Pengeluaran bagi pengeluaran tempatan yang mengukur purata perubahan harga komoditi yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan dalam sesuatu industri. Ia merupakan penunjuk ekonomi makro yang digunakan untuk memantau pergerakan harga output tempatan dan juga digunakan sebagai penunjuk awalan kepada Indeks Harga Pengguna

Penunjuk awalan kepada Indeks Harga Pengguna

Penunjuk prestasi ekonomi makro

Menunjukkan permintaan yang tinggi dalam pasaran (industri, produk, item)




Deflator kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

Menganalisis arah aliran harga pada masa hadapan



Memantau pergerakan harga output tempatan

Carta 1

IHPR Pengeluaran Tempatan Malaysia, Januari 2010 - Disember 2015



IHPR Pengeluaran Tempatan, Malaysia, Januari 2016 - Januari 2020



Prestasi IHPR Malaysia, 2017 - 2020


Selain dari faktor-faktor yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi, faktor kestabilan pengeluaran negara atau prestasi output juga amat penting dalam mempengaruhi ekonomi negara seperti kesan tindakbalas output kepada *exogenous shocks*. Kejutan dalam penawaran memberi kesan kepada perubahan harga seterusnya memberi impak kepada pertumbuhan pengeluaran. Perubahan harga juga memberi kesan langsung kepada gelagat pengeluar.

Carta 2 menunjukkan prestasi IHPR daripada Januari 2017 sehingga Februari 2020 (menggunakan tahun asas 2010). Manakala perubahan tahun ke tahun ditunjukkan dalam Carta 3. Secara umum, peningkatan dan penyusutan IHPR akan memberi kesan langsung kepada Indeks Harga Pengguna pada tempoh sama.

Perbandingan bulan ke bulan IHPR yang merekodkan peningkatan dan penurunan paling ketara adalah seperti berikut:

- IHPR 2017: indeks bagi sektor Perlombongan mencatatkan peningkatan 10.0 peratus pada September manakala sektor Pertanian mencatatkan penyusutan 8.5 peratus pada Mac;
- IHPR 2018: indeks bagi sektor Perlombongan meningkat 8.5 peratus pada April dan menurun pada November (-16.4%);
- IHPR 2019: indeks bagi sektor Pertanian menunjukkan peningkatan 10.5 peratus pada November manakala sektor Perlombongan menurun pada Jun (-8.7%); dan
- IHPR 2020: indeks bagi sektor Perlombongan mencatatkan penurunan 9.1 peratus pada Februari.


Carta 2



Prestasi IHPR Tahun ke Tahun, Malaysia, 2011 - 2019

Carta 3

IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia, 2011-2019



Jumlah	12.3	-0.4	-2.7	1.5	-7.4	-1.1	6.7	-1.1	-1.4
Pertanian, perhutanan & perikanan	19.6	-11.5	-11.0	1.8	-3.9	16.3	7.0	-13.9	-4.0
Perlombongan	36.1	3.7	-0.4	-4.1	-36.1	-15.3	24.7	17.5	-3.7
Pembuatan	9.0	0.0	-2.4	2.2	-3.6	-1.2	5.3	-1.8	-0.9
Bekalan elektrik & gas	3.9	3.2	0.7	10.3	-4.6	-0.9	1.9	1.1	1.5
Bekalan air	4.2	-0.1	2.4	0.9	2.5	3.5	-0.1	0.3	-2.2

Bagi perbandingan tahunan, IHPR pengeluaran tempatan bagi tahun 2019 mencatatkan penurunan 1.4 peratus berbanding tahun 2018. Tiga sektor yang merekodkan penurunan pada tahun 2019 adalah Pertanian, perhutanan & perikanan (-4.0%), Perlombongan (-3.7%), Bekalan air (-2.2%) dan Pembuatan (-0.9%). Sebaliknya, sektor Bekalan elektrik & gas meningkat 1.5 peratus.

Penurunan tertinggi IHPR dalam tempoh 9 tahun dari tahun 2011 dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 7.4 peratus.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

